



## Membangun dalam Kemakmuran

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, Paduka Adinda dan Paduka Adinda Raja Permaisuri bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana limpah dan kurnia-Nya, telah mengizinkan kita mengadakan Majlis Santapan Negeri sempena keberangkatan Seri Paduka Kekanda dan Seri Paduka Kekanda Raja Permaisuri Agong ke negeri Perak. Paduka Adinda berdua menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Seri Paduka Kekanda dan Seri Paduka Kekanda Raja Permaisuri Agong atas kesudian Seri Paduka Kekanda berdua membuat lawatan rasmi ke negeri Perak selama dua hari.

Kunjungan rasmi ini merupakan satu penghormatan kepada negeri

---

Titah Ucapan di Majlis Santapan Negeri sempena Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XI ke Negeri Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 12hb. Jun 2000.



Perak yang turut dirasai oleh seluruh rakyat negeri ini. Sesungguhnya Paduka Adinda berasa bertuah dan sungguh istimewa atas kesudian Seri Paduka Kekanda berdua memilih negeri Perak sebagai negeri yang pertama untuk dilawati setelah dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XI.

Keistimewaan ini menjadi lebih bermakna memandangkan pertalian kekerabatan yang telah wujud sejak begitu lama di antara keluarga diraja Selangor dan keluarga diraja Perak. Semoga keberangkatan ini akan mengeratkan lagi tali kekerabatan persaudaraan ini. Paduka Adinda juga berasa sungguh berbesar hati dengan keberangkatan ini dan percaya lawatan ini akan tercatat dalam lipatan sejarah negeri dan menjadi kenangan abadi kepada rakyat negeri Perak. Tambahan pula negeri Perak sekarang sedang mengadakan promosi Tahun Melawat Negeri Perak, maka keberangkatan Seri Paduka Kekanda berdua akan menarik lagi minat rakyat jelata seluruh negara untuk melawat negeri Perak.

Paduka Adinda berharap agar atur cara yang telah diatur sepanjang hari ini dan juga untuk hari esok, dapat memenuhi matlamat untuk memberi penjelasan tentang prestasi pembangunan negeri Perak, di samping memperkenalkan tempat-tempat menarik di negeri Perak kepada Seri Paduka Kekanda berdua. Paduka Adinda juga berharap semoga keberangkatan Seri Paduka Kekanda pada hari esok ke Kolej Melayu Kuala Kangsar akan mengembalikan kenangan indah ketika zaman remaja semasa Seri Paduka Kekanda menuntut di sana.

**“... saat yang dinantikan oleh rakyat jelata dan perjumpaan ini nanti akan menjadi satu manifestasi kepada tradisi raja sebagai lambang perpaduan ummah di kalangan rakyat.”**

Perjumpaan Seri Paduka Kekanda dengan pelajar kolej itu nanti, akan menjadi salah satu peristiwa yang paling penting dan bermakna kepada mereka dan menjadi kenangan manis pada masa hadapan.



Selain itu, Seri Paduka Kekanda juga akan berpeluang bermesra dengan rakyat jelata dan Paduka Adinda percaya, inilah saat yang dinantikan oleh rakyat jelata dan perjumpaan ini nanti akan menjadi satu manifestasi kepada tradisi raja sebagai lambang perpaduan ummah di kalangan rakyat.

Sukacita Paduka Adinda menyatakan perasaan puas hati terhadap tahap perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang telah terjalin dengan begitu baik sekali. Paduka Adinda bersyukur kerana para pegawai persekutuan dan juga negeri mempunyai sasaran dan visi yang jelas mengenai tugas masing-masing ke arah membangunkan negeri Perak.

Akhir kata, Paduka Adinda dan Paduka Adinda Raja Permaisuri serta seluruh rakyat negeri ini menjunjung kasih kepada Seri Paduka Kekanda berdua atas lawatan yang penuh bermakna ini. Paduka Adinda bagi seluruh rakyat jelata mendoakan semoga Seri Paduka Kekanda berdua sentiasa diberkati kesejahteraan dan semoga negara kita Malaysia terus membangun dan memperoleh kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan di bawah pemerintahan Seri Paduka Kekanda, insya-Allah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.